



Dr Abu Bakar (tengah) dan Prof Musa (empat dari kiri) tidak melepaskan peluang mencuba **SkiNana** hasil inovasi pelajar USIM.

Ekspo Inovasi Islam meriah

Nilai: Lebih 7,000 pengunjung menghadiri Ekspo Inovasi Islam 2014 (i-Inova'14) anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menampilkan 131 produk inovasi, termasuk dari luar negara.

Program kali kelima itu membabitkan 122 penyertaan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA), IPT swasta (tiga), institusi dan organisasi penyelidikan tempatan (lima) serta Mesir (satu).

Ekspo berkenaan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pelajar prasiswazah dan terbuka, manakala aktiviti sampingan ialah Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Islam (Sekolah Menengah).

Pemenang utama Anugerah Inovasi Islam yang menerima hadiah wang tunai RM3,000 dan trofi ialah Ez Pay dari USIM bagi kategori pelajar prasiswazah, manakala Inovasi Sosial Tulang Ikan Bagi Menghasilkan Kalsium Inorganik Halalan Toy-yiban Di Komuniti Pesisir Negeri Terengganu dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengungguli kategori terbuka.

Anugerah khas

Anugerah Khas tajaan Akademi Sains Malaysia (ASM) yang menyediakan hadiah wang tunai RM3,000 dan sijil pula diraih inovasi

FAKTA NOMBOR

7,000
orang

pengunjung Ekspo Inovasi Islam 2014

'Multifunctional Edible Films' daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penganjuran ekspo itu yang bertema 'Commercialisation of Innovation for Ummah Well-Being', turut mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pendidikan.

Program itu juga disokong rakan inovasi USIM seperti ASM, Persatuan Saintis Muslim Malaysia, Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa, Pusat Sains Negara, Yayasan Inovasi Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Majlis perasmian di-sempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.



Dr Abu Bakar (dua dari kanan) dan Prof Musa (kanan) mendengar penerangan mengenai produk inovasi yang dipamerkan.